



TEKS UCAPAN

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN JUN 2024

26 JUN 2024 (RABU)

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

PENDAHULUAN

Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani,

1. Pertama sekali, marilah kita menzahirkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran kerana dengan izin Tuhan kita dapat berhimpun pada pagi ini dalam Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya bagi Bulan Jun 2024. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang sudi hadir dan juga terima kasih kepada seluruh warga Kerja Raya yang telah memberikan komitmen penuh terhadap tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.
2. Saya ingin memulakan ucapan ini dengan mengucapkan tahniah kepada semua pegawai dan petugas di atas pencapaian cemerlang dalam tempoh bulan-bulan yang lalu. Kejayaan ini adalah hasil daripada usaha keras, dedikasi, dan kerjasama yang erat antara kita semua. Semoga usaha ini dapat diteruskan dan dilipatgandakan dari semasa ke semasa.

Tuan/Puan yang saya hormati sekalian,

3. Saya tidak mahu membuang masa dan ingin terus menyentuh tentang kejatuhan Malaysia dalam Ranking Daya Saing Dunia (WCR) Institut Antarabangsa bagi Pembangunan Pengurusan

(IMD) 2024. Tentunya, perkembangan ini mencetus satu cabaran besar buat negara kita.

4. Antara faktor yang menyumbang kepada kejatuhan ini adalah prestasi ekonomi, keberkesanan tadbir urus kerajaan dan kemerosotan dalam pelaksanaan 'ease of doing business'. Kejatuhan Malaysia ke kedudukan tangga 34 dari 27 memberi isyarat jelas dan titik rujukan kepada keperluan untuk pemantauan dan peningkatan keupayaan negara dalam menghadapi persaingan global. Di peringkat KKR pula, saya ingin menegaskan perlunya untuk kita semua mengambil serius perkembangan ini dan peringatan yang ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini.
5. Tidak dinafikan, telah banyak usaha yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi-agensi bagi memastikan setiap perancangan projek pembangunan infrastruktur negara dapat dijayakan. Namun, saya melihat masih terdapat ruang dan peluang untuk penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan. Antara yang sering saya tekankan adalah menjadi pemudahcara, bukan membebankan pemegang taruh dengan pelbagai kerenah birokrasi.

Semua ini semestinya lah dijalankan tanpa ada kompromi terhadap integriti kerja dan perundangan semasa yang berkuatkuasa.

6. Walaupun saya ada menerima laporan mengenai kelewatan kita dalam memberi maklum balas, menyediakan laporan dan sikap reaktif sesetengah warga kementerian dan agensi dalam mengambil tindakan, namun saya percaya situasi ini mungkin hanyalah sekadar persepsi luar yang boleh dibenamkan dengan mengubah cara kerja kita bermula pada saat ini juga. Let's get out from our comfort zone and don't sit on our work.

Warga KKR dan agensi-agensi yang saya hormati sekalian,

7. Saya percaya, semua warga kementerian dan agensi telah memahami dan menghayati semangat Program MYJalan yang digagaskan tahun lalu. Namun, saya agak kecewa melihat perkembangan program ini yang kurang memberangsangkan. Mungkin ada yang beranggapan MYJalan hanyalah sekadar agenda politik tetapi saya tegaskan di sini, MYJalan bukan untuk saya. Saya membawa MYJalan dengan harapan masalah rakyat dapat diberi perhatian terus dan masalah kita dalam menyelesaikan isu rakyat juga dapat diketengahkan.

8. Buat pengetahuan semua, program ini telah menyumbang kepada pertimbangan di pihak Kementerian Kewangan dalam Bajet 2024 kementerian di mana Kementerian telah mendapat peruntukan tambahan hampir RM1 bilion dalam kerja-kerja penyenggaraan. Tidak dilupakan, peruntukan tambahan jurutera-jurutera daerah dari RM100,000 kepada RM200,000 dalam bajet tahun ini turut merupakan antara hasil kejayaan program MYJalan.
9. Melangkah ke hadapan, program MYJalan ini boleh dikembangkan dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif baru berpaksikan kepada kesejahteraan rakyat. Data dan aduan yang diterima melalui MYJalan akan memacu gagasan jalan daif yang sedang diusahakan. Kalau sekolah daif mampu meraih perhatian kerajaan pusat untuk peruntukan khas, saya percaya jalan daif yang memberi kesan kepada nyawa rakyat juga layak dipertimbangkan untuk peruntukan khas. Inilah yang sedang saya usahakan dan usaha ini hanya akan berjaya dengan kerjasama daripada anda semua.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Perhimpunan bulanan kali ini membawa tema sambutan perayaan Gawai yang disambut oleh kaum Iban Dayak. Terima kasih saya ucapkan kepada pengurusan kementerian di atas

ingatan ini. Namun, Gawai bukanlah sekadar perayaan. Lebih dari itu, saya ingin mengajak semua warga kementerian dan agensi untuk menghayati semangat 'bekerja bersama' Segulai Sejalai yang amat sinonim dengan aspirasi Kerajaan Perpaduan.

11. Perayaan Gawai yang disambut bagi meraikan hasil pertanian bertitik tolak dari keberanian dan usaha keras petani dalam mengharungi cabaran mencari rezeki. Tanpa semangat 'warrior' ini, hasilnya tidak mungkin dapat dikecapi. Inilah semangat yang saya harapkan daripada setiap daripada kita di sini. Dengan keberanian, kegigihan dan kerja berpasukan, kita pasti dapat mencapai hala tuju yang kita inginkan.

TRANSFORMASI DIGITAL

Hadirin sekalian,

12. Seiring perkembangan teknologi dalam sektor infrastruktur, ramai pemain industri yang telah mula beralih kepada penggunaan teknologi digital. Saya sendiri telah menerima pelbagai cadangan dan idea produk baru berteraskan teknologi yang berkualiti, menjimatkan masa, kos dan tadbir urus.

13. Saya menyambut usaha kementerian dan agensi-agensi yang telah pun mengorak langkah ke arah pendigitalan dan teknologi dalam pelaksanaan projek-projek utama kerajaan. Saya berharap, usaha ini dapat diperluaskan lagi ke bidang kerja yang lain di bawah kementerian ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

**TVET PEMBINAAN DAN KERJASAMA STRATEGIK
ANTARABANGSA**

14. Dalam lawatan kerja saya ke Jepun baru-baru ini, antara hasil kerjasama yang berjaya diteroka adalah kerjasama strategik dalam sektor teknologi dan digitalisasi pembinaan, infrastruktur jalan, pengurusan bencana, cerun dan juga meneroka peluang TVET di negara matahari terbit tersebut. Saya berharap kerjasama seumpama ini tidak hanya terhenti dengan negara Jepun, tetapi diperluaskan ke negara strategik yang lain.
15. Melihat kepada potensi TVET dan manfaatnya kepada rakyat dan negara, saya berharap CIDB dapat memainkan peranan lebih proaktif dalam merangka hala tuju latihan TVET yang lebih inklusif, bukan sekadar menyediakan latihan tetapi turut memantau potensi pelatih yang dapat menyumbang semula di dalam sektor pembinaan, dalam mahupun luar negara.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

PENUTUP

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha keras dan memberikan sumbangan yang tidak ternilai dalam mencapai kejayaan untuk Kementerian ini. Marilah kita teruskan usaha dengan penuh dedikasi dan komitmen padu dalam penyampaian perkhidmatan kita.

17. Saya yakin dengan kerjasama dan semangat yang ada, kita mampu melaksanakannya. Segulai Sejalai, kita boleh membawa perubahan positif dan memberikan yang terbaik kepada negara dan rakyat.

Sekian, terima kasih.